



**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU  
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**MAJLIS PERASMIAN  
SIMPOSIUM PENGEMBANGAN SUB SEKTOR TANAMAN  
JABATAN PERTANIAN**

**29 APRIL 2024 (ISNIN)**

**KSL ESPLANADE HOTEL  
KLANG, SELANGOR**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana izin dan kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama dalam Majlis Perasmian Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman 2024 anjuran Jabatan Pertanian.
2. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pertanian kerana berjaya mengumpulkan semua pegawai pengembangan dari semua Kementerian/Jabatan dan Agensi serta petani/usahawan yang terlibat dalam subsektor tanaman makanan. Sesungguhnya, anda semua adalah sebahagian daripada *frontliner* atau barisan hadapan negara yang mempunyai peranan penting bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan.
3. Penganjuran simposium ini merupakan platform yang amat baik bagi semua pihak untuk berkongsi idea, ilmu dan strategi terbaik untuk mencapai agenda keterjaminan makanan negara terutamanya dalam memperkasakan subsektor tanaman makanan melalui sistem pengembangan yang dinamik.
4. Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan penghargaan kepada semua ahli panel dan peserta yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi serta petani yang terlibat dalam simposium ini. Soladariti semua pihak dalam menjayakan program ini jelas menunjukkan bahawa sekuriti makanan adalah tanggungjawab kita bersama.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Sektor agromakanan telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan susulan pelbagai inisiatif dan prorgam yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Pencapaian ini boleh diterjemahkan melalui **pertumbuhan agromakanan dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan yang lebih kukuh pada tahun 2023 dengan peningkatan 4.3 peratus kepada 181.4 bilion ringgit berbanding 173.9 bilion ringgit pada tahun 2022.**
6. Sektor agromakanan memberikan **sumbangan yang signifikan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** iaitu 11.6 peratus. Walau bagaimanapun, kita masih berhadapan cabaran dalam menyelesaikan isu bekalan makanan yang bukan sahaja dihadapi oleh negara kita, malahan di seluruh dunia.
7. Justeru, penganjuran Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman yang mengangkat tema Inovasi Pertanian bagi Keterjaminan Makanan ini merupakan salah satu platform untuk memacu transformasi positif sektor agromakanan ke arah pembudayaan inovatif terutamanya bagi memperkasakan sistem pengembangan pertanian dalam subsektor tanaman makanan.
8. Seperti yang telah dimaklumkan oleh Dato' Ketua Pengarah Pertanian tadi dalam ucapan beliau, saya menyambut baik segala inisiatif dan program yang telah dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dalam memperkuatkan sistem pengembangan pertanian kepada kumpulan sasar.

9. Dalam hal ini, saya ingin umumkan satu berita baik kepada semua. Sukacitanya, saya ingin umumkan bahawa inovasi Jabatan Pertanian iaitu Sistem GeoTanaman berjaya dinobatkan sebagai **Juara Kategori e-agriculture dalam *World Summit Information Society (WSIS) Prizes 2024*** yang dianjurkan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).
10. Tahniah dan syabas diucapkan. Sesungguhnya, pengiktirafan ini membuktikan bahawa inovasi penggunaan ICT dalam bidang pertanian yang dihasilkan oleh Jabatan Pertanian ini berjaya mendapat pengiktirafan dunia. Marilah sama-sama kita berdoa agar Sistem GeoTanaman ini berjaya muncul **pemenang utama** bagi kategori ini yang akan diumumkan secara rasmi pada 28 Mei 2024 di Geneva, Switzerland.

Hadirin sekalian,

11. Di kesempatan ini, suka untuk saya ingatkan semula kepada sidang hadirin mengenai **halatuju dan fokus KPKM bagi tahun 2024** terutamanya perkara yang berkaitan dengan subsektor tanaman. Antaranya adalah pembangunan jagung bijian, pemerkasaan industri padi dan beras melalui Gelombang Padi, penanaman bawang tempatan dan pemerkasaan industri nanas.

12. Saya yakin dan percaya bahawa **kepakaran Jabatan Pertanian** dalam bidang pengembangan, pengurusan sumber tanah, kawalan kualiti tanaman, pengurusan agronomi tanaman, perkhidmatan biosekuriti tumbuhan dan kejuruteraan pertanian serta jalinan kerjasama strategik bersama pihak industri dapat menjadi pemangkin bagi menjayakan agenda utama KPKM ini.
13. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, pelaksanaan dan pembudayaan **Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR)** turut diberikan penekanan yang komprehensif ke atas semua fokus hala tuju yang telah saya nyatakan tadi di mana ianya adalah selaras dengan Dasar Agromakanan Negara, 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.
14. Dalam hal ini, kerjasama dan kolaborasi semua pihak amat diperlukan untuk memastikan tahap keterjaminan makanan negara stabil dan mampan seiring dengan konsep "*Food Security is a Shared Responsibility*".
15. Sehubungan itu, saya berharap agar pegawai pengembangan dapat memberikan fokus kepada pemindahan dan pengamalan teknologi pertanian berdasarkan kepada keperluan kumpulan sasar agar semua inisiatif yang dirancang pada tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

16. Selain itu, peranan pegawai pengembangan dalam membantu mengumpulkan data pengeluaran agromakanan secara *real time* juga amat penting untuk membantu pihak Kementerian membuat, menggubal atau memperkenalkan sesuatu dasar baharu. Insyallah, usaha ini dapat diperkemaskan melalui Banci Pertanian 2024 dan penubuhan Enakmen Pendaftaran Petani.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

17. Pada hari ini, saya juga amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk melancarkan **Klinik Doktor Pokok**, iaitu perkhidmatan pengembangan bergerak. Inisiatif ini merupakan langkah proaktif pihak Jabatan Pertanian untuk memperkasakan sistem pengembangan berasaskan khidmat nasihat dan rundingan secara terus kepada kumpulan sasar dan komuniti.
18. Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas kepada Jabatan Pertanian kerana berjaya menerbitkan **Buku Garis Panduan Pengurusan Pertanian di Tanah Gambut Sedia Ada**. Semoga penerbitan buku ini dapat menjadikan panduan kepada semua pihak yang ingin mengusahakan projek pertanian di tanah gambut dengan menekankan aspek penggunaan sumber tanah secara mampan berteraskan Amalan Pertanian Baik dan penjagaan alam sekitar.

19. Saya yakin dengan sokongan dan semangat berpasukan daripada semua pihak, kita bersama-sama akan dapat memartabatkan sektor agromakanan dan sekuriti makanan negara serta membela warga tani keseluruhannya. Kita mesti terus menyokong usaha kerajaan dan KPKM untuk mengharungi cabaran masa kini dan masa hadapan bagi memastikan bekalan makan negara kekal mencukupi dan terjamin.
20. Saya juga berharap agar semua pihak sentiasa membudayakan amalan berintegriti, amanah dan jujur dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Tuan-tuan dan puan-puan adalah duta kecil KPKM yang berperanan menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat khususnya kepada petani dan peladang.
21. Akhir kata, saya berharap agar semua peserta yang hadir ke program ini untuk terlibat secara aktif dengan menyumbangkan idea dan pandangan masing-masing agar usaha memperkasakan sektor tanaman ke arah keterjaminan makanan negara dapat direalisasikan.
22. Dengan lafaz ‘Bismillahirrohmanirahim...’ saya dengan sukacitanya merasmikan **Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Tahun 2024**.

Sekian, Wabilahitaufik walhidayah. Wasalam wbt. Terima kasih.